



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PROGRAM KAYUHAN SEJUTA KASIH PTPTN PUPUK SEMANGAT KEKITAAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) julung kalinya menganjurkan Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN bersama Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Program ini telah mendapat perkenan Baginda yang turut berangkat menyertai aktiviti kayuhan. Penganjuran program ini merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PTPTN kepada masyarakat bagi membantu golongan yang memerlukan selain mempromosikan Negeri Perlis bersempena dengan Tahun Melawat Perlis 2024.
2. Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN melibatkan 100 peserta yang terdiri daripada DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, YAM Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, Pengurusan PTPTN, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri, Agensi kerajaan dan swasta. Pelepasan peserta kayuhan oleh Pengerusi PTPTN bertempat di Perkarangan *Urban Transformation Centre* (UTC) Perlis. Turut hadir YB Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Tuan Mohd Radhi bin Abas, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Sahibus Samahah Dato' Arif Perkasa Profesor Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis, YBhg. Dato' Mohd Muazzam bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim bin Haji Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs.
3. Program ini telah mendapat kerjasama daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan antaranya Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis, Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Jabatan Penerangan Negeri Perlis, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis, Majlis Perbandaran Kangar, Perlis Volunteer Action Community (PVAC) serta pelbagai pihak yang berkaitan.

4. Semasa Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis turut mengurniakan sumbangan kotak makanan kepada 18 keluarga asnaf. Selain itu, PTPTN turut menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM5,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis dan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime kepada 24 orang anak yatim dengan masing-masing menerima RM100 setiap seorang. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) juga tidak ketinggalan menyampaikan sumbangan dalam bentuk barangan keperluan harian berjumlah RM5,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis. PTPTN terus prihatin membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira latar belakang dengan menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM5,000 kepada Rumah Seri Kenangan Kangar.

5. Pada program yang sama, turut diadakan penyampaian sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin dengan jumlah keseluruhan bernilai RM15,000. Sumbangan ini telah diberikan kepada 30 orang pelajar miskin tegar daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Arau, Perlis dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dengan setiap pelajar menerima wang tunai berjumlah RM500.

6. Menurut Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, “Diharapkan melalui program seperti ini dapat memupuk semangat kekitaan kepada seluruh masyarakat ke arah pembentukan gaya hidup yang cergas, sihat dan cerdas di samping mengeratkan silaturrahim antara pemimpin dan masyarakat Perlis secara keseluruhannya.”

7. “Melalui aktiviti berbasikal seumpama ini juga, ia secara tidak langsung dapat membantu masyarakat Perlis sekitarnya melalui penyampaian sumbangan yang diberikan. Semoga dengan pemberian sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan yang memerlukan selain menjadi platform pendedahan kepada masyarakat mengenai pentingnya bersukan untuk kualiti hidup yang lebih sejahtera. PTPTN juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh rakan-rakan strategik PTPTN dalam menjayakan program ini.” tambahnya lagi.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
20 Januari 2024